



1. Kad Perjalanan Perniagaan APEC

APEC merupakan organisasi yang ditubuhkan pada tahun 1989 untuk mewujudkan kerjasama ekonomi yang lebih luas di dalam kawasan Asia Pasifik . Organisasi ini mula berkuatkuasa pada 1 Mac 1999.

Kad Perjalan Perniagaan APEC merupakan satu inisiatif Pertubuhan Ekonomi Asia Pasifik (Asia-Pacific Economic Cooperation) APEC dalam usaha untuk membantu ahli-ahli perniagaan yang sering berurusan dengan negara-negara **APEC**.

Terdapat (21) buah negara yang terlibat di dalam organisasi :

Australia, Amerika Syarikat, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, China, Hong Kong (China), Indonesia, Jepun, Korea, **Malaysia**, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Russia, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

Hanya 19 negara termasuk **Malaysia** yang menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut:-


- Kad APEC menggantikan **VISA** (negara yang memerlukan VISA dan ada penyertaannya dalam APEC tidak perlu VISA)
- Menyediakan Lorong APEC atau Laluan Khas (Premier Lane) di pintu-pintu utama melalui udara atau darat negara masing-masing bagi menikmati proses pergerakan yang lebih cepat dan lancar.

Walaupun bagaimanapun, **Kanada** dan **Amerika Syarikat** masih belum menyertai skim ini sepenuhnya. Meskipun itu, kedua-dua negara ini menyediakan kemudahan 'PREMIER LANE ' bagi maksud kemudahan pergerakan yang lebih cepat dan lancar

CONTOH SAHAJA

KAD PERJALANAN PERNIAGAAN APEC YANG TELAH DILULUSKAN SEPENUHNYA.

(FULL CLEARED CARD)



KELULUSAN (19) NEGARA



Australia,
Brunei Darussalam,
Chile,
China,
Hong Kong,
Indonesia,
Japan,
Korea,
Malaysia,
Mexico,
New Zealand,
Papua New Guinea,
Peru,
Russia,
Filipina,
Singapura,
Taiwan,
Thailand ,
Vietnam.

2. Keistimewaan Kad Perjalanan Perniagaan APEC

Kad ini membantu menjimatkan masa dan kos ahli-ahli perniagaan di dalam memenuhi keperluan visa dan syarat-syarat masuk di samping menikmati Laluan Khas ke negara-negara APEC.

Maklumat dan butiran dalam pemegang dikongsi bersama dengan semua negara peserta untuk mendapatkan status 'pre-clearance' atau kelulusan **VISA** sebelum kad dikeluarkan.

Sah laku Kad APEC adalah **(5) lima tahun** dan bergantung kepada tempoh sah laku passport.

Pemegang kad ini diberi kemudahan laluan APEC atau Laluan Khas di pintu-pintu masuk yang utama di dalam negara-negara terbabit.

Di Malaysia pintu-pintu masuk yang menyediakan "premier lane" atau laluan APEC adalah seperti berikut;

- LapanganTerbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- LapanganTerbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 2)
- Lapangan Terbang Antarabangsa P.Pinang
- Bangunan Sultan Iskandar , Johor Baharu
- Bangunan Sultan Abu Bakar (Second Link), Johor Baharu.

Kad ini secara tidak langsung mempromosikan jalinan perniagaan di antara negara-negara APEC.

Maka dengan itu, untuk permohonan menggunakan Kad Perjalanan Perniagaan APEC, pemohon mestilah terlibat secara langsung dalam urusan perniagaan yang mana memerlukan mereka sering berulang-alik ke negara-negara APEC.

Keputusan '**pre-clearance**' oleh negara-negara peserta akan disalurkan melalui Sistem ABTC kepada Jabatan Imigresen Malaysia.



3. Pemohon Yang Layak

- **Warganegara Malaysia** sahaja.
- Ahli-ahli Pentadbiran & Profesional, Orang Kenamaan, Pegawai Kanan Kerajaan atau setarafnya yang berurusan dengan negara-negara APEC mestilah diperakukan oleh Kementerian atau Jabatan berkenaan.
- Ahli-ahli Perniagaan dan Pelaburan yang sering mengadakan aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara APEC dan diperakukan oleh agensi-Agensi Kawal Selia yang telah dilantik sahaja

3.1 Pemohon Yang Tidak Layak

- Nama atau Syarikat pemohon dalam rekod jenayah atau senarai hitam :
 - i. Polis Diraja Malaysia
 - ii. Jabatan Imigresen Malaysia.
- Pemohon dari kalangan tanggungan (isteri atau anak-anak).
- Ahli Sukan, Wartawan, Penghibur , Pemuzik Artis atau setaraf dengannya.
- Orang yang ingin melibatkan diri dalam pekerjaan atau bekerja sambil bercuti.
- Syarikat **berstatus** Enterprise



Makluman :

1. Mana mana Agensi Kawal Selia yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk memastikan:

- Pemohon sebenar-benar berkelayakan.
- Kewujudan Syarikat dan status pemohon adalah benar.
- Pemohon memegang jawatan eksekutif ke atas di syarikatnya itu.
- Syarikat atau pemohon adalah ahli yang berdaftar dengan agensi kawalselia anda.

2. Sah Laku Surat Sokongan adalah tiga (3) bulan dari tarikh dikeluarkan.

4. Senarai Agensi Kawal Selia

1. Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan:

MITI
MIDA
SME CORP
MATRADE
MDEC

2. **Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara**

3. Persatuan Pekilang-Pekilang Peringkat Kebangsaan (*Federation Of Malaysian Manufacturer*) **FMM**

4. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (*Malay Chamber Of Commerce*) **DPMM**

5. Dewan Perniagaan China (*Associated Chinese Chamber Of Commerce & Industry*) **ACCIM**

6. Dewan Perniagaan India (*Malaysian Indian Chamber Of Commerce & Industry*) **MAICCI**

7. Malaysian Service Providers Confederation **MSPC**

8. Malaysian International Chamber Of Commerce & Industry **MICCI**

9. **Badan-Badan Ikhtisas** bidang kejuruteraan, perakaunan, guaman, perubatan, dan perumahan peringkat kebangsaan.

Sekiranya terdapat mana-mana persatuan, dewan-dewan perniagaan atau lain-lain agensi yang mempunyai kapasiti memperakukan dan mengeluarkan surat sokongan untuk permohonan ABTC bagi pihak mana-mana syarikat, persatuan, dewan-dewan perniagaan atau lain-lain agensi berkenaan hendaklah memperolehi kebenaran bertulis atau surat perlantikan daripada **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** lebih terdahulu.



SENARAI SEMAK (CHECK LIST)

PERMOHONAN ABTC (DALAM)

1. Borang Permohonan ABTC
2. Gambarphoto Berukuran Passport Latarbelakang Biru.
3. Surat Permohonan Daripada Syarikat.
4. Surat Sokongan Daripada Agensi Kawal-Selia.
5. Salinan Passport Dengan Sahlaku Minima (3) Tahun.
6. Salinan Kad Pengenalan

PERMOHONAN ABTC (LUAR)

1. Borang Permohonan ABTC
2. Gambarphoto Berukuran Passport Latarbelakang Biru.
3. Surat Permohonan Daripada Syarikat.
4. Surat Sokongan Daripada Agensi Kawal-Selia.
5. Salinan Passport Dengan Sahlaku Minima (3) Tahun.
6. Salinan Permit Kerja / Kad Penduduk Tetap

PERMOHONAN KAD HILANG

1. Surat Pengesahan Permohonan Daripada Syarikat.
2. Salinan Passport



Keperluan yang diwajibkan.

Sila hantar permohonan gantian Kad Perjalan Perniagaan APEC anda, **enam (6) bulan** sebelum tamat tempoh kad yang sedia ada

5. Senarai Semak Permohonan Kad APEC

Pemohon (Menetap Di Dalam Malaysia) :

i.	Borang Permohonan APEC
ii.	Salinan Pasport Malaysia (sah untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun dan lebih)
iii.	Salinan Kad Pengenalan
iv.	Gambar Berukuran Pasport - 1 keping (latarbelakang biru)
v.	Surat permohonan daripada Syarikat Pemohon (Surat Permohonan Syarikat) dengan pengesahan berhubung pemohon; Nama / Tarikh Lahir / Nombor Kad Pengenalan / Pasport b. Bilangan Jawatan Dalam Syarikat c. Justifikasi memohon Kad Perjalan perniagaan APEC
vi.	Surat sokongan daripada Agensi Kawal Selia yang berkaitan.

Sila bukukan permohonan mengikut aturan senarai semak (Binding)

Pemohon (Menetap Di Luar Malaysia) :

i.	Borang Permohonan
ii.	Salinan Pasport Malaysia (sah untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun dan lebih).
iii.	Salinan Kad Pengenalan
iv.	Gambar Berukuran Pasport - 1 keping (latarbelakang biru)
v.	Surat permohonan daripada Syarikat Pemohon (surat syarikat) dengan pengesahan berhubung pemohon; a. Nama / Tarikh Lahir / Nombor Kad Pengenalan / Pasport b. Bilangan Jawatan Dalam Syarikat c. Justifikasi memohon Kad Perjalan Perniagaan APEC
vi.	Surat sokongan daripada Agensi Kawal Selia yang berkaitan.
vii.	Salinan Permit Kerja atau Kad Penduduk Tetap



Permohonan yang mewakilkan mana-mana individu sila kemukakan :

1. Surat kuasa / wakil drp Syarikat
2. Salinan KPT wakil



Untuk mengetahui status kad:-
NO Permohonan :20000



<https://www.abtc-aps.org/abtc-core/status/check.html>.

6. Permohonan Kad Perjalanan Perniagaan APEC

Sila kemukakan permohonan yang lengkap untuk Kad Perjalan Perniagaan APEC di ;

**Pengarah Visa, Pas dan Permit ,
Jabatan Imigresen Malaysia
Unit Kad Perjalan Perniagaan APEC,
No 15, Tingkat 1 (Podium) , Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62550 PUTRAJAYA.**

secara individu, wakil, pos atau kurier.

Untuk pertanyaan sila hubungi Unit APEC di:

Telefon: 03-88801515 / 03-88801496

Email: apec@imi.gov.my

Unit APEC, Bahagian Visa, Pas & Permit, Jabatan Imigresen Malaysia akan mengeluarkan : nombor permohonan sebagai rujukan berstatus **'RECEIVE'** setelah permohonan diproses dan dimasukkan data pemohon ke dalam Sistem ABTC.

Anda hanya boleh menyemak status permohonan setelah kelulusan permohonan di buat melalui laman web ; <https://www.abtc-aps.org/abtc-core/status/check.html>.

Nombor permohonan akan diberikan kepada pemohon melalui agensi-agensi kawalselia yang dilantik atau melalui email.



7. Tempoh Proses dan Bayaran

Bayaran **RM100.00** akan dikenakan setiap kali kad baru dikeluarkan.

Tempoh proses : Permohonan untuk Kad Perjalanan Perniagaan APEC yang (**baru**) atau;

Permohonan (**semula**) setelah tamat tempoh Kad Perjalanan Perniagaan APEC adalah bergantung kepada proses 'Pre-Clearance' daripada semua ekonomi APEC yang menyertai Skim ABTC Minima (3-6) bulan atau **selebihnya**.

Permohonan Cetakan Kad Perjalanan Perniagaan APEC adalah seperti berikut:-

Tempoh Proses Cetakan : **(1) jam** dari masa permohonan dikemukakan.

Jenis :- cetakan Kad Perjalanan Perniagaan APEC semula kerana :-

- a. Interim**
- b. Kad kelulusan sepenuhnya**
- c. Gantian Kad Hilang**
- d. Gantian Tukar Butiran Pasport**
- e. Gantian Tukar Gambar Dalam Kad**

Bagi kes hilang Kad APEC, sila kemukakan :-

- 1. Surat rasmi syarikat menyatakan jawatan dan kedudukan pemohon.**
- 2. Salinan Laporan Polis Tempatan atau Luar negara**

